



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 15 Julai 2024

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 8 TAHUN 2024

KEWAJIPAN KETUA JABATAN ATAU PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENJALANKAN KAWALAN DAN PENGAWASAN TATAKELAKUAN DAN TATATERTIB TERHADAP PEGAWAI SELIAAN

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Surat Edaran bernombor rujukan JPA.100-1/4/1(20) pada 05 Julai 2024 berhubung pengawasan tatakelakuan dan tatatertib terhadap pegawai seliaan seperti **di lampiran**.

3. Sehubungan ini, sebagaimana menurut Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], Pegawai dan Pehidmat serta Pengarah/Ketua Unit hendaklah bertanggungjawab untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai di bawah seliaan sebagaimana berikut:

21. (1) Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya dan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi apa-apa pelanggaran peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Seseorang pegawai yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya, atau tidak mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

4. Tindakan tatatertib boleh diambil di bawah Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] sekiranya didapati Pegawai yang bertanggungjawab cuai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai seliaannya.

5. Justeru, adalah diingatkan agar Pengarah/Ketua Unit atau Pegawai yang bertanggungjawab memberikan perhatian serius terhadap peraturan ini, dan tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku pelanggaran ataupun aduan salah laku di peringkat Bahagian/Unit.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”


(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k Ketua Pengarah

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)

Pengarah – Pengarah Bahagian